

UNIT PERWAKILAN PLANNING

# BUKU KELAB PROGRAM

## UNIT PERWAKILAN PLANNING (UPP)

EDISI 2023/2024

Disediakan oleh
Presiden Unit Perwakilan Planning Kohort 2023/2024

# KANDUNGAN

| | Mukasurat |
|---|---|
| KATA ALUAN PENYELARAS PROGRAM | 1 |
| KATA ALUAN PRESIDEN KELAB PROGRAM | 2 |
| 1. SEJARAH PENUBUHAN UNIT PERWAKILAN PLANNING | 3 |
| 2. VISI, MISI & SLOGAN | 4 |
| 3. PENSYARAH PROGRAM PERANCANGAN DAN PENGURUSAN PEMBANGUNAN (UW6345001) | 5 - 8 |
| 4. CARTA ORGANISASI UNIT PERWAKILAN PLANNING KOHORT 2023/2024 | 9 |
| 5. LINKTREE UNIT PERWAKILAN PLANNING (UPP) | 10 |
| 6. TELERAM CHANNEL UNIT PERWAKILAN PLANNING (UPP) | 11 |
| 7. SKOP TUGAS AHLI MAJLIS TERTINGGI & EXCO UNIT PERWAKILAN PLANNING | 12 - 15 |
| 8. FORMAT KERTAS KERJA / LAPORAN / MEMORANDUM (TERKINI) | 16 |
| 9. TEMPLATE MINIT MESYUARAT SERTA CONTOH GAYA PENULISAN | 17 |
| 10. TEMPLATE DOKUMEN | 18 |
| 11. FORMAT BORANG PEER EVALUATION AHLI JAWATANKUASA UNIT PERWAKILAN PLANNING (UPP) | 19 |
| 12. TAKWIM AKTIVITI | 20 - 22 |
| 13. AKTIVITI YANG PERNAH DIJALANKAN | 23 - 54 |
| 14. NOTA | |

# KATA ALUAN PENYELARAS PROGRAM



Assalammualaikum dan Salam Sejahtera kepada semua pelajar Program Perancangan dan Pengurusan Pembangunan (UW6345001). Dengan segala hormatnya, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas kesempatan yang diberikan kepada saya untuk mengucapkan Selamat Datang kepada semua pelajar bagi program Perancangan dan Pengurusan Pembangunan (UW6345001) bagi Sesi 2023/2024.

Program Perancangan dan Pengurusan Pembangunan merupakan program yang mampu melengkapkan pelajar dengan kemahiran teknikal terkini dan pengetahuan dalam bidang perancangan dan pengurusan pembangunan. Terdapat beberapa bidang kajiannya, antaranya adalah ekonomi, antropologi, sosiologi dan alam persekitaran. Kesemua dimensi ini akan menyediakan kerangka yang penting untuk menganalisa isu-isu semasa dalam pembangunan dan juga boleh dijadikan sebagai garis panduan dalam merancang dan mengurus projek.

Unit Perwakilan Planning (UPP) merupakan satu kelab program yang ditubuhkan khusus untuk program Perancangan dan Pengurusan Pembangunan (UW6345001). Kelab program ini ditubuhkan bertujuan untuk membantu para pensyarah dan para pelajar untuk menyampaikan maklumat. Selain itu, Unit Perwakilan Planning juga berperanan merangka aktiviti untuk dijalankan pada setiap kohort.

Buku Kelab Program Unit Perwakilan Planning ini menyediakan segala maklumat penting yang berkaitan dengan kelab program. Diharap pelajar yang menjadi sebahagian daripada ahli jawatankuasa ini dapat menggunakan buku ini dengan sebaiknya bukan sahaja sebagai rujukan penting malah membantu dalam menjalani kehidupan sebagai pelajar sepanjang berada di UNIMAS.

Akhir kata, saya berharap agar semua pelajar dapat menjalani sesi akademik ini dengan penuh semangat dan dedikasi. Semoga anda semua mencapai kejayaan yang cemerlang dalam program ini.

Sekian, terima kasih.

**Dr. Adibah binti Haji Yusuf**
Penyelaras Program Perancangan dan Pengurusan Pembangunan
(UW6345001)

## KATA ALUAN PRESIDEN KELAB PROGRAM



Assalammualaikum, Salam Sejahtera dan Salam UNIMAS Lestari kepada semua Planners ! Saya selaku Presiden Unit Perwakilan Planning, Kohort 2023/2024 ingin mengucapkan Selamat Datang ke program Perancangan dan Pengurusan Pembangunan (UW6345001) ! Unit Perwakilan Planning merupakan sebuah kelab program khusus untuk program Perancangan dan Pengurusan Pembangunan (UW6345001) di bawah Persatuan Sains Sosial dan Kemanusiaan.

Penubuhan Unit Perwakilan Planning (UPP) adalah untuk menyampaikan maklumat kepada mahasiswa/i, mewakili dan mengutamakan kepentingan para mahasiswa/i. UPP bertugas bagi memastikan komunikasi yang efektif antara mahasiswa/i di bawah program Perancangan dan Pengurusan Pembangunan (UW6345001) dengan pihak Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK).

Pihak UPP beriltizam untuk memastikan hak mahasiswa/i terjaga dan memberikan impak positif dalam kalangan mahasiswa/i terutamanya memastikan kelancaran setiap perkara yang dijalankan oleh program kita. Kami juga berharap agar kelab program kita dapat mengadakan lebih banyak aktiviti yang menarik untuk semua pelajar program ini.

Akhir kata, saya juga berharap agar setiap informasi yang disediakan di dalam buku kelab program ini dapat membimbing dan menjadi rujukan ahli jawatankuasa Unit Perwakilan Planning (UPP) untuk kohort yang seterusnya. Jika terdapat sebarang keraguan atau perlukan penjelasan yang lebih, anda boleh menghubungi saya di talian 013-8860210.

Sekian, terima kasih.

**Nur Aliah Bazilah binti Mohammed Gupta**

Presiden, Unit Perwakilan Planning, Kohort 2023/2024

# SEJARAH PENUBUHAN UNIT PERWAKILAN PLANNING

Unit Perwakilan Planning merupakan sebuah kelab program yang ditubuhkan bagi melancarkan pengurusan berkaitan dengan para mahasiswa/i dengan para pensyarah. Dahulu ia dikenali sebagai Majlis Tertinggi WA22 dan Unit Perwakilan Planning WA22 (UPPWA22) tetapi telah ditransformasikan menjadi Unit Perwakilan Planning, Perancangan dan Pengurusan Pembangunan (UW6345001) pada tahun 2023.

Unit Perwakilan Planning mempunyai seorang Penaung iaitu Dr. Adibah binti Yusuf, Penyelaras Program Perancangan dan Pengurusan Pembangunan (UW6345001). Di dalam Unit Perwakilan Planning, Kohort 2023/2024 terdapat Ahli Majlis Tertinggi dan Exco yang terdiri daripada 16 orang pelajar.

Unit Perwakilan Planning Kohort 2023/2024 mempunyai barisan Sekretariat yang berfungsi membantu Ahli Majlis Tertinggi & Exco dalam melaksanakan tugas.

Selaras dengan penubuhan Unit Perwakilan Planning ini, segala perancangan dan pengurusan dapat dijalankan dengan lebih lancar lagi.

# VISI, MISI & SLOGAN

## Visi

Towards a Sustainable Future

## Misi

- Melahirkan modal insan yang syumul melalui amalan nilai-nilai murni dan ajaran agama.
- Membangunkan modal insan yang berminda kreatif, kritis dan inovatif.
- Memperketatkan jalinan silaturrahim dengan para pensyarah, staf serta pelajar yang lain.
- Mengadakan program-program sosial dan keagamaan yang produktif.

## Slogan

Plan for Bright, Bring Future Into Present

# PENSYARAH PROGRAM PERANCANGAN DAN PENGURUSAN PEMBANGUNAN (UW6345001)



**Dr Kiky Kirina binti Abdillah**
Dekan
akkirina@unimas.my
Bidang Kepakaran: *Urbanization, Poverty Studies and Community Development*



**Profesor Dato Dr Spencer Empading Sanggin**
Felo Kanan
spencer@unimas.my
Bidang Kepakaran: *Planning and Management and Education*



**Profesor Gs. Dr Tarmiji bin Masron**
Pengarah @ Pusat Perancangan Strategik, Pengurusan Kualiti dan Risiko
mtarmiji@unimas.my
Bidang Kepakaran: *Geographic Information System, Spatial Social Science and Spatial Decision Support System*



**Dr Regina Garai**
Timbalan Dekan (Hubungan Industri dan Masyarakat)
argarai@unimas.my
Bidang Kepakaran: *Human Geography, Urban Planning*

# PENSYARAH PROGRAM PERANCANGAN DAN PENGURUSAN PEMBANGUNAN (UW6345001)



**Dr Khalid bin Zanudin**
Ketua Strategi
zkhalid@unimas.my
Bidang Kepakaran: *Urban Planning and Governance, Community Development*



**Profesor Madya Dr Wong Swee Kiong**
Penyelaras Program Master SLUSE-M
Ketua Unit Antarabangsa
swkwong@unimas.my
Bidang Kepakaran: *Natural Resources and Environmental Economics*



**Dr Adibah binti Yusuf**
Penyelaras Program
yadibah@unimas.my
Bidang Kepakaran: *Development & Culture, Housing & Development*



**Dr Haslina binti Hashim**
Penyelaras Pascasiswazah
hahaslina@unimas.my
Bidang Kepakaran: *Human Geography, Planning*

# PENSYARAH PROGRAM PERANCANGAN DAN PENGURUSAN PEMBANGUNAN (UW6345001)



**Dr Farah Zaini**
Pensyarah Kanan
zfarah@unimas.my
Bidang Kepakaran: *Land Administration and Development, Geographical Information System*



**Dr Daniel Ugih anak Echoh**
Pensyarah
edugih@unimas.my
Bidang Kepakaran: *Rural & Regional Planning, Development Studies, Impact Assessment, Sustainable Development*



**Dr Bemen Wong Win Keong**
Pensyarah
wwkbemen@unimas.my
Bidang Kepakaran: *Development Studies*



**Ts. Mohd. Azizul Hafiz bin Jamian**
Pensyarah
jmahafiz@unimas.my
Bidang Kepakaran: *Remote Sensing and Geographical Information System*

# PENSYARAH PROGRAM PERANCANGAN DAN PENGURUSAN PEMBANGUNAN (UW6345001)



**Siti Khatijah binti Zamhari**
Pensyarah
zskhatijah@unimas.my
Bidang Kepakaran: *Environment & Development Studies*

# Cuti Belajar



**Christopher a/l Perumal**
Pensyarah
pchristopher@unimas.my
Bidang Kepakaran: *Development Planning and Management*

# CARTA ORGANISASI UNIT PERWAKILAN PLANNING KOHORT 2023/2024






# LINKTREE UNIT PERWAKILAN PLANNING (UPP)



## LINKTREE UNIT PERWAKILAN PLANNING (UPP)



# SKOP TUGAS AHLI MAJLIS TERTINGGI UNIT PERWAKILAN PLANNING

| Bil. | Jawatan | Skop Kerja / Catatan |
|---|---|---|
| 1. | Presiden | • Seorang pelajar Tahun 3 atau Tahun 2 akan memegang portfolio ini pada sesi tersebut.<br>• Bertanggungjawab menjadi perantara fakulti, pensyarah, organisasi/persatuan/kelab program lain untuk berhubung dengan pelajar program Perancangan dan Pengurusan Pembangunan (UW6345001).<br>• Memantau setiap perkara yang dilakukan di dalam kelab program serta kelas.<br>• Mengurus segala hal berkaitan kelab program. |
| 2. | Timbalan Presiden | • Dua orang pelajar akan memegang portfolio ini (Tahun 1&2) pada sesi tersebut.<br>• Timbalan Presiden I adalah pelajar Tahun 2 manakala Timbalan Presiden II adalah pelajar Tahun 1 pada sesi tersebut.<br>• Secara tidak langsung menjadi Ketua Wakil untuk pelajar Tahun 2 dan Tahun 1.<br>• Menjadi perantara Presiden UPP dengan pelajar dari Tahun 1 dan Tahun 2.<br>• Membantu Presiden dalam menguruskan semua hal berkaitan kelab program. |
| 3. | Setiausaha | • Dua orang pelajar akan memegang portfolio ini (Tahun 3/2/1) pada sesi tersebut.<br>• Bertanggungjawab dalam mencatat dan merekod perkara penting semasa perjumpaan/mesyuarat/urusan rasmi kelab program.<br>• Menghadiri mesyuarat dan mencatat minit mesyuarat.<br>• Mengurus segala dokumen kelab program.<br>• Menyediakan kertas kerja/laporan/memorandum/surat rasmi untuk program yang akan dilaksanakan<br>• Bertanggungjawab terhadap pengurusan rekod dan fail berkaitan organisasi. |
| 4. | Bendahari | • Dua orang pelajar akan memegang portfolio ini (Tahun 3/2/1) pada sesi tersebut.<br>• Bertanggungjawab dalam tadbir urus kewangan kelab program.<br>• Menyediakan dan melaporkan Laporan Kewangan Tahunan kelab program. |

# SKOP TUGAS EXCO UNIT PERWAKILAN PLANNING

| Bil. | Jawatan | Skop Kerja / Catatan |
|---|---|---|
| 5. | Exco Akademik & Sahsiah | • Dua orang pelajar akan memegang portfolio ini (Tahun 3/2/1) pada sesi tersebut.<br>• Bertanggungjawab dalam menyimpan semua maklumat dan data mengenai peraturan akademik.<br>• Berhubung dengan pihak fakulti sekiranya mendapat laporan daripada mahasiswa/mahasiswi program berkenaan masalah pendaftaran kursus.<br>• Merangka program berkaitan akademik dan sahsiah.<br>• Bertanggungjawab dalam mengemaskini dan menyampaikan maklumat mengenai hal ehwal akademik di dalam fakulti mahupun luar fakulti kepada para pelajar. |
| 6. | Exco Media & Publisiti | • Dua orang pelajar akan memegang portfolio ini (Tahun 3/2/1) pada sesi tersebut.<br>• Bertanggungjawab dalam menguruskan akaun sosial media rasmi (Instagram/Facebook/TikTok) kelab program.<br>• Bertanggungjawab menghasilkan poster mengikut takwim tugasan.<br>• Bertanggungjawab menghasilkan dan menyimpan pelbagai bentuk media/design untuk kelab program.<br>• Bertanggungjawab dalam mengambil gambar dan video dalam setiap program/aktiviti yang dianjurkan oleh kelab program. |
| 7. | Exco Sukan & Aktiviti | • Dua orang pelajar akan memegang portfolio ini (Tahun 3/2/1) pada sesi tersebut.<br>• Bertanggungjawab menguruskan program yang berkaitan dengan sukan dan aktiviti yang melibatkan kelab program dan fakulti (Terutamanya *Festival of Social Sciences and Humanities* (FOSSH) serta Kejohanan Sukan Mahasiswa Unimas (KESUMAS)).<br>• Menganjurkan sukan dan aktiviti sama ada secara fizikal ataupun secara atas talian khususnya kepada mahasiswa/mahasiswi program. |

# SKOP TUGAS EXCO UNIT PERWAKILAN PLANNING

| Bil. | Jawatan | Skop Kerja / Catatan |
|---|---|---|
| 8. | Exco Keusahawanan & Kerjaya | • Dua orang pelajar akan memegang portfolio ini (Tahun 3/2/1) pada sesi tersebut.<br>• Bertanggungjawab dalam merangka strategi ke arah keusahawanan dan kerjaya.<br>• Bertanggungjawab menjalankan aktiviti keusahawanan kelab program dan membantu Bendahari untuk menambah kewangan untuk kelab program.<br>• Mengadakan aktiviti keusahawanan yang boleh memberi keuntungan kepada kelab program sepanjang sesi/kohort.<br>• Menyimpan semua maklumat syarikat bagi memudahkan proses permohonan penajaan.<br>• Menjalankan aktiviti/program yang berunsurkan keusahawanan dan kerjaya yang mampu memberikan manfaat kepada mahasiswa/mahasiswi program. |
| 9. | Exco Kebajikan & Kerohanian | • Dua orang pelajar akan memegang portfolio ini (Tahun 3/2/1) pada sesi tersebut.<br>• Bertanggungjawab menjaga kebajikan ahli jawatankuasa kelab program, mahasiswa/mahasiswi program.<br>• Bertanggungjawab mengadakan program yang berkaitan dengan kebajikan dan kerohanian.<br>• Menjalankan kutipan derma bagi mahasiswa/mahasiswi program yang memerlukan (Contoh: Kehilangan ibu bapa, atas budi bicara fakulti). |
| 10. | Exco Kebudayaan & Warisan | • Dua orang pelajar akan memegang portfolio ini (Tahun 3/2/1) pada sesi tersebut.<br>• Bertanggungjawab mengadakan program yang berkaitan dengan kebudayaan dan warisan (Contoh: Program Sanggar Tari FSSK).<br>• Membantu program dan fakulti mencari bakat kebudayaan mahasiswa/mahasiswi program untuk dipersembahkan setiap kali program/pertandingan diadakan. |

# SKOP TUGAS EXCO UNIT PERWAKILAN PLANNING

| Bil. | Jawatan | Skop Kerja / Catatan |
|---|---|---|
| 11. | Exco Tugas - Tugas Khas | • Dua orang pelajar akan memegang portfolio ini (Tahun 3/2/1) pada sesi tersebut.<br>• Bertanggungjawab menjalankan kerja berkaitan isu yang tertentu dan berada di luar bidang exco lain.<br>• Bertanggungjawab dalam memastikan protokol sesuatu program adalah baik.<br>• Bertanggungjawab membantu Exco Media menyediakan ayat hebahan untuk sesuatu program/aktiviti/hebahan yang perlu dilakukan. |

# FORMAT KERTAS KERJA / LAPORAN / MEMORANDUM (TERKINI)



KERTAS KERJA

(NAMA PROGRAM)

TARIKH

(Xx Bulan 202X)

TEMPAT

(TEMPAT YANG PROGRAM DIJALANKAN)

ANJURAN

UNIT PERWAKILAN PLANNING, KOHORT 202X/202X

KERJASAMA

< SEKIRANYA ADA SILA NYATAKAN>



Nama Program
XX Bulan 20XX-XX Bulan 20XX

LAPORAN PROGRAM
Nama Program

TARIKH

XX Bulan 20XX-XX Bulan 20XX

MASA

X.XX Pagi Sehingga X.XX Petang

TEMPAT

Nama Lokasi Program

ANJURAN

Unit Perwakilan Planning, Kohort 202X/202X

KERJASAMA

Sekiranya ada sila nyatakan



Nama Program
XX Bulan 20XX-XX Bulan 20XX

LAPORAN KEWANGAN
Nama Program

TARIKH

XX Bulan 20XX-XX Bulan 20XX

MASA

X.XX Pagi Sehingga X.XX Petang

TEMPAT

Nama Lokasi Program

ANJURAN

Unit Perwakilan Planning, Kohort 202X/202X

KERJASAMA

Sekiranya ada sila nyatakan



MEMORANDUM

Rujukan : UNIMAS/PSSK/STU 23-24, 100-1 (xx) 2023
Kepada : xxx
xxx
Melalui : xxx
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Daripada : Pengarah Program
xxx
Tarikh : xx bulan 202x
Perkara : Permohonan xxx

Dengan segala hormatnya, perkara di atas dirujuk.

Sukacita dimaklumkan bahawa Pihak (Unit Perwakilan Planning, Kohort 202X/202X) akan menganjurkan program xxx. Justeru, pihak kami ingin memohon untuk xxx. Bersama memorandum ini, kami sertakan lampiran senarai peminjaman sebagai rujukan tuan/puan. Berikut merupakan butiran program:

Program : xxx
Tarikh : Xx Bulan 202X
Masa : Xxx hingga xxx
Tempat : xxx

FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK (UNIMAS)

Link: https://drive.google.com/drive/folders/1-J1Wti26kPlR2Tsy_r_DTMOmbbfBACoC?usp=sharing

# TEMPLATE DOKUMEN



UNIT PERWAKILAN PLANNING (UPP)
KOHORT 2023/2024
PERANCANGAN DAN PENGURUSAN PEMBANGUNAN (UW6345001)
SULIT



RUJ. KAMI:

UNIT PERWAKILAN PLANNING (UPP) MINIT MESYUARAT BIL.X/2024
SULIT

"Untuk rujukan dalaman peminta maklumat sahaja. Kebenaran daripada Presiden perlu dicapai sebelum maklumat itu didedahkan kepada pihak lain. Sesiapa yang didapati menyebarkan maklumat tanpa kebenaran akan dikenakan tindakan tatatertib."

Tarikh : Tarikh Bulan Tahun
Masa : X:XX a.m./p.m. – X:XX a.m./p.m.
Tempat : Nama Tempat atau Platform

Kehadiran:

| Ahli Jawatankuasa | | |
|---|---|---|
| Bil. | Nama | Jawatan |
| 1. | | Presiden |
| 2. | | Timbalan Presiden I |
| 3. | | Timbalan Presiden II |
| 4. | | Setiausaha I |
| 5. | | Setiausaha II |
| 6. | | Bendahari I |
| 7. | | Bendahari II |
| 8. | | |
| 9. | | |
| Ketidakhadiran: | | |
| 1. | | |

Agenda :
1. Pengesahan Minit Mesyuarat Unit Perwakilan Planning (UPP) Bil X/2024
2. Xxxxxx
3. Xxxxxx
4. Perkara-perkara Lain



BORANG AKUAN PENYERAHAN & PENERIMAAN WANG
UNIT PERWAKILAN PLANNING (UPP)
KOHORT 2023/2024
PERANCANGAN DAN PENGURUSAN PEMBANGUNAN (UW6345001)
SULIT

"Untuk rujukan dalaman peminta maklumat sahaja. Kebenaran daripada Presiden perlu dicapai sebelum maklumat itu didedahkan kepada pihak lain. Sesiapa yang didapati menyebarkan maklumat tanpa kebenaran akan dikenakan tindakan tatatertib."

Saya .................................... No. Kad Pengenalan: .................................... No. Matrik: ................... selaku ................ Unit Perwakilan Planning mengaku telah menyerahkan wang tunai sebanyak .................... (Ringgit Malaysia: ....................................) kepada .......................... Unit Perwakilan Planning .............................. No. Kad Pengenalan: .............................. No. Matrik: ........................ pada hari/bulan/tahun.

Duit yang telah diserahkan adalah duit ......................

Sekian, terima kasih.

| PEMBAYAR | PENERIMA |
|---|---|
| ........................................<br>(Nama)<br>&<br>(Jawatan)<br>Unit Perwakilan Planning,<br>Kohort 2023/2024,<br>Perancangan dan Pengurusan Pembangunan (UW645001),<br>Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan. | ........................................<br>(Nama)<br>(Jawatan)<br>Unit Perwakilan Planning,<br>Kohort 2023/2024,<br>Perancangan dan Pengurusan Pembangunan (UW645001),<br>Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan. |



TAKWIM AKTIVITI UNIT PERWAKILAN PLANNING KOHORT 202X/202X
[Dikemaskini pada XX Bulan 202X]

| BIL. | PROGRAM | TARIKH / MASA / TEMPAT / PLATFORM | TINDAKAN | CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Nama Penuh Program | • Tarikh: Xx Bulan 202X<br>• Masa: 00:00 a.m. / p.m.<br>• Tempat: Xxx<br>• Platform: Xxx | Exco Media<br>&<br>Exco Ekspresi | • Menggalakkan para pelajar mengambil gambar dan video yang mereka lakukan dalam setiap kursus yang ditawarkan<br>• Contoh: Ecobrick, Kajian Lapangan & etc.<br>• *Ongoing* |

Link: https://drive.google.com/drive/folders/1-J1Wti26kPlR2Tsy_r_DTMOmbbfBACoC?usp=sharing

# FORMAT BORANG PEER EVALUATION AHLI JAWATANKUASA UNIT PERWAKILAN PLANNING

[SULIT] BORANG *PEER EVALUATION* AHLI JAWATANKUASA UNIT PERWAKILAN PLANNING KOHORT 2023/2024

**"Untuk rujukan dalaman peminta maklumat sahaja. Kebenaran daripada Presiden perlu dicapai sebelum maklumat itu didedahkan kepada pihak lain. Sesiapa yang didapati menyebarkan maklumat tanpa kebenaran akan dikenakan tindakan tatatertib."**

captainnuraliahbazilah@gmail.com Switch accounts

Not shared

Next

Clear form

Never submit passwords through Google Forms.

This content is neither created nor endorsed by Google. Report Abuse - Terms of Service - Privacy Policy

Google Forms

[SULIT] BORANG *PEER EVALUATION* AHLI JAWATANKUASA UNIT PERWAKILAN PLANNING KOHORT 2023/2024

captainnuraliahbazilah@gmail.com Switch accounts

Not shared

* Indicates required question

**MAKLUMAT DIRI**

Nama *

Your answer

Jawatan yang Disandang Sekarang *

Your answer

Back

Next

Clear form

Never submit passwords through Google Forms.

This content is neither created nor endorsed by Google. Report Abuse - Terms of Service - Privacy Policy

Google Forms

***PEER EVALUATION***

**PRESIDEN** - NUR ALIAH BAZILAH BINTI MOHAMMED GUPTA

**SAHSIAH DIRI** *

| | Cemerlang | Baik | Kurang Memuaskan | Tiada Penglibatan Langsung |
|---|---|---|---|---|
| Jujur | ○ | ○ | ○ | ○ |
| Amanah | ○ | ○ | ○ | ○ |
| Bertoleransi | ○ | ○ | ○ | ○ |
| Ramah | ○ | ○ | ○ | ○ |
| Bekerjasama | ○ | ○ | ○ | ○ |
| Berbudi bahasa | ○ | ○ | ○ | ○ |
| Bertanggungjawab | ○ | ○ | ○ | ○ |

**PENILAIAN KENDIRI** *

| | Cemerlang | Baik | Kurang Memuaskan | Tiada Penglibatan Langsung |
|---|---|---|---|---|
| Mempamerkan keyakinan diri dan berdikari | ○ | ○ | ○ | ○ |
| Mengamalkan disiplin yang baik | ○ | ○ | ○ | ○ |
| Mengamalkan sikap kerjasama dan kepimpinan | ○ | ○ | ○ | ○ |
| Mengamalkan komunikasi dengan berkesan | ○ | ○ | ○ | ○ |
| Melibatkan diri dalam perbincangan dan tugas berkumpulan | ○ | ○ | ○ | ○ |
| Melaksanakan arahan tugasan dengan penuh tanggungjawab | ○ | ○ | ○ | ○ |
| Memahami sistem pengurusan dan proses kerja | ○ | ○ | ○ | ○ |
| Kemampuan menggalas tugas dengan baik | ○ | ○ | ○ | ○ |
| Mampu menjadi pemimpin yang baik | ○ | ○ | ○ | ○ |
| Tegas, berdisplin dan patuh pada peraturan dalam melaksanakan tugas | ○ | ○ | ○ | ○ |

Komen atau pendapat berkenaan individu di atas *

Your answer

Link: https://drive.google.com/drive/folders/1-J1Wti26kPlR2Tsy_r_DTMOmbbfBACoC?usp=sharing

# TAKWIM AKTIVITI

UNIMAS UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK | FACULTY OF SOCIAL SCIENCES & HUMANITIES

**TAKWIM AKTIVITI UNIT PERWAKILAN PLANNING KOHORT 2023/2024**

**[Dikemaskini pada 18 Jun 2024]**

| BIL. | PROGRAM | TARIKH / MASA / TEMPAT / PLATFORM | TINDAKAN | CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Pendedahan dan Pengenalan Program Perancangan dan Pengurusan Pembangunan (UW6345001) | • Dilakukan sepanjang Sesi 2023/2024<br>• **Platform**: Media Sosial Rasmi Unit Perwakilan Planning (Instagram & Facebook) | Exco Media & Exco Ekspresi | • Menggalakkan para pelajar mengambil gambar dan video yang mereka lakukan dalam setiap kursus yang ditawarkan<br>• Contoh: Ecobrick, Kajian Lapangan & etc.<br>• ***Ongoing*** |
| 2. | *Social Sciences and Humanities Camp* (SOSHUC)<br>• Sesi bersama Kelab Program<br>• Kolaborasi bersama PSSK | • **Tarikh**: 22 Oktober 2023 (Ahad)<br>• **Masa**: 8:30 pagi – 12:15 tengahari<br>• **Tempat**: Lobi Utama, Aras LG, FSSK | Amt & Exco Unit Perwakilan Planning | • Melibatkan pelajar Tahun 1 Sesi 2023/2024<br>• **Berjaya** dilaksanakan pada 22 Oktober 2023 |

UNIMAS UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK | FACULTY OF SOCIAL SCIENCES & HUMANITIES

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 3. | *FYP Seminar 1: Research Ethics: What Do You Need to Know?* | • **Tarikh**: 5 Januari 2024 (Jumaat)<br>• **Masa**: 2:30 p.m.<br>• **Tempat**: BMM 1, FSSK | Exco Akademik | • Melibatkan pelajar Tahun 3 Sesi 2021/2022<br>• **Berjaya** dilaksanakan pada 5 Januari 2024<br>• **Penceramah**: Dr. Haslina binti Hashim |
| 4. | Program Rekreasi di Kawasan Rekreasi Gunung Kelambu Lang, Kampung Sungai Bako | • **Tarikh**: 14 Januari 2024 (Ahad)<br>• **Tempat**: Kampung Sungai Bako, Sarawak | Exco Akademik & Exco Protokol | • Melibatkan segelintir pelajar Tahun 3 dan semua pelajar Tahun 2 Program Perancangan dan Pengurusan Pembangunan<br>• **Berjaya** dilaksanakan pada 14 Januari 2024<br>• **Pensyarah:** Dr. Adibah binti Yusuf (Penyelaras Program) |

# TAKWIM AKTIVITI

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 5. | Baju Korporat & Baju T-Shirt Rasmi Bagi Program Perancangan dan Pengurusan Pembangunan (UW6345001) Kohort 2023/2024 | • **Tarikh**: 19 Januari 2024 – 28 Mac 2024 (Kutipan Wang)<br>• Dianggarkan proses penghasilan baju pada bulan April 2024<br>• Dianggarkan siap dan diedarkan kepada para pelajar Tahun 1 & 2 pada bulan Mei 2024 | Exco Kebajikan & Exco Sukan | • Melibatkan pelajar Tahun 1 & Tahun 2 sahaja<br>• **Berjaya** dilaksanakan |
| 6. | Penghasilan Buku Kelab Program Unit Perwakilan Planning | • **Tarikh**: 23 Mac 2024 – 1 Mei 2024 (Anggaran) | Presiden Unit Perwakilan Planning | • Mengandungi segala perkaitan Unit Perwakilan Planning<br>• Mengandungi segala dokumen rasmi Unit Perwakilan Planning<br>• **Berjaya** dilaksanakan |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 7. | *Sharing Session* Latihan Industri dan Kerjaya Program Perancangan dan Pengurusan Pembangunan (UW6345001) | • **Tarikh**: 20 April 2024 (Sabtu)<br>• **Masa**: 9:00 a.m. – 12:00 p.m.<br>• **Tempat**: Youtube Live | Exco Akademik | • Melibatkan semua pelajar Tahun 1, 2 & 3 Program Perancangan dan Pengurusan Pembangunan<br>• Melibatkan Penyelaras Latihan Industri 2023<br>• **Berjaya** dilaksanakan pada 14 Januari 2024 |
| 8. | *FYP Seminar 2: Literature Review with AI* | • **Tarikh**: 24 April 2024 (Rabu)<br>• **Masa**: 8:30 a.m. – 10:00 a.m.<br>• **Tempat**: Bilik Konferen | Exco Akademik | • Melibatkan pelajar Tahun 3 Sesi 2021/2022<br>• **Penceramah**: Dr. Bemen Wong Win Keong<br>• **Berjaya** dilaksanakan pada 24 April 2024 |
| 9. | *FYP Seminar 3: Thematic Analysis* | • **Tarikh**: 24 April 2024 (Rabu)<br>• **Masa**: 10:30 a.m. – 12:30 p.m. | Exco Akademik | • Melibatkan pelajar Tahun 3 Sesi 2021/2022<br>• **Penceramah**: Dr. Farah binti Zaini |

# TAKWIM AKTIVITI

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | • **Tempat**: Bilik Konferen | | • **Berjaya** dilaksanakan pada 24 April 2024 |
| 10. | *FYP Seminar 4: Writing Up for Quantitative Analysis* | • **Tarikh**: 24 Mei 2024 (Jumaat)<br>• **Masa**: 9:00 a.m. – 10:30 a.m.<br>• **Tempat**: BMM 1 | | • Melibatkan pelajar Tahun 3 Sesi 2021/2022<br>• **Penceramah**: Dr. Haslina binti Hashim<br>• **Berjaya** dilaksanakan pada 24 Mei 2024 |
| 11. | Program Khidmat Masyarakat Rumah Seri Kenangan, Kuching | • **Tarikh**: 27 April 2024 (Sabtu)<br>• **Masa**: -<br>• **Tempat**: Rumah Seri Kenangan, Kuching | Exco Kebajikan | • Melibatkan semua Amt & Exco serta Sekretariat Unit Perwakilan Planning Kohort 2023/2024<br>• Melibatkan Penyelaras Program serta semua Pensyarah Program Perancangan dan Pengurusan Pembangunan<br>• **Dibatalkan** |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 12. | *Festival of Social Sciences and Humanities* (FOSSH)<br>• Pertandingan Nyanyian (*FSSK's Got Singing Talent*) | • **Tarikh**: 21 Mei 2024 (Khamis)<br>• **Masa**: 7:30 p.m. – 11:40 p.m.<br>• **Tempat**: Panggung Gemilang | Amt & Exco Unit Perwakilan Planning & Sekretariat Unit Perwakilan Planning | • Melibatkan semua wakil pelajar dari setiap program Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan<br>• **Berjaya** dilaksanakan pada 21 Mei 2024 |
| 13. | Majlis Serah Tugas Unit Perwakilan Planning | • **Tarikh**: 3 Julai 2024 (Rabu)<br>• **Masa**: 8:00 pagi – 12:00 tengahari<br>• **Tempat**: BMM 1 | Amt & Exco Unit Perwakilan Planning | • Melibatkan pelajar Tahun 2 dan 1 yang terpilih sebagai Amt & Exco Unit Perwakilan Planning Kohort 2024/2025<br>• Melibatkan seluruh ahli jawatankuasa Unit Perwakilan Planning, Kohort 2023/2024<br>• Melibatkan Penyelaras Program Perancangan dan Pengurusan Pembangunan (UW6345001)<br>• ***On Going*** |

# AKTIVITI YANG PERNAH DIJALANKAN

***Innovative Sustainability Competition 2024***










- Seramai 7 orang pelajar Tahun 3 (EcoVisionary Planners) dan 4 orang pelajar Tahun 2 (Fantastic Four) Program Perancangan dan Pengurusan Pembangunan (UW6345001) telah menyertai *Innovative Sustainability Competition* pada 22 Jun 2024 sempena Festival Kokurikulum Berkredit 2024 di Detar, UNIMAS.
- Mentor untuk kedua-dua kumpulan ini adalah Dr. Haslina binti Hashim.
- Kumpulan EcoVisionary Planners bertanding dalam kategori *Innovative Design* manakala kumpulan Fantastic Four bertanding dalam kategori *Innovative Video*.
- Kumpulan EcoVisionary Planners telah mendapat tempat kedua dalam kategori *Innovative Design*.

# AKTIVITI YANG PERNAH DIJALANKAN

### Pertandingan Membina Bangku Ecobrick
### “Reduce Plastic, Make Fantastic Ecobrick”








- Pertandingan Membina Bangku Ecobrick “Reduce Plastic, Make Fantastic Ecobrick” telah dijalankan pada 22 Jun 2024 di Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan.
- Semua pelajar Tahun 2 program Perancangan dan Pengurusan Pembangunan (UW6345001) telah terlibat dalam program ini serta 2 orang pensyarah yang terlibat iaitu Dr. Haslina binti Hashim dan Dr. Daniel Ugih anak Echoh.
- Pertandingan ini melibatkan 20 orang wakil pelajar serta 2 orang guru pengiring daripada SMK Wira Penrissen, SMK Sungai Tapang, SMK Kota Samarahan, SMK Muara Tuang dan SMK Siburan.
- Majlis penutupan untuk program ini telah dihadiri oleh Dekan, FSSK iaitu Dr. Kiky Kirina binti Abdillah, Timbalan Dekan HEPA, FSSK iaitu Dr. Nur Auni binti Ugong, Ketua Strategi, Dr. Khalid bin Zanudin, Pemangku Setiausaha Perbandaran, Encik Gustian bin Haji Durani serta Pegawai Kesihatan Awam, Encik Desmond Leo Lee Pheng.
- Pertandingan ini juga telah mendapat tajaan daripada Natural Resources and Environment Board Sarawak (NREB).

# AKTIVITI YANG PERNAH DIJALANKAN

**Pencarian Ahli Jawatankuasa Unit Perwakilan Planning Kohort 2024/2025 (Presiden & Timbalan Presiden I)**
**&**
**Pilihan Raya Ahli Jawatankuasa Unit Perwakilan Planning Kohort 2024/2025 (Presiden & Timbalan Presiden I)**







- Unit Perwakilan Planning, Kohort 2023/2024 telah mengadakan Pencarian Ahli Jawatankuasa Unit Perwakilan Planning Kohort 2024/2025 (Presiden & Timbalan Presiden I) dalam kalangan pelajar Tahun 2 dan Tahun 1.
- Tempoh bagi permohonan ini bermula daripada 13 Jun 2024 sehingga 15 Jun 2024.
- Setelah pencarian diadakan, maka sesi pilihan raya akan dijalankan. Pilihan raya ini telah dijalankan pada 20 Jun 2024 melalui platform *Google Form*.

## AKTIVITI YANG PERNAH DIJALANKAN

### Majlis Penyampaian Anugerah Sijil Dekan Semester 1, Sesi 2023/2024






- Majlis Penyampaian Anugerah Sijil Dekan Semester 1, Sesi 2023/2024 telah diadakan untuk pelajar yang menerima kepujian Dekan pada semester tersebut.

# AKTIVITI YANG PERNAH DIJALANKAN

## Sharing Session Latihan Industri Program Perancangan dan Pengurusan Pembangunan (UW6345001)




- Program ini mempunyai dua sesi, iaitu perkongsian pengalaman oleh beberapa orang pelajar Tahun 3 semasa latihan industri, antaranya ialah Yin Wee Hong, Nur Aliah Bazilah binti Mohammed Gupta, Shannia Dedee Richard, Angelina Josephine Anak Jengkin, Sylvester Chai Ching Hua dan Pricslee Eldy Anak Buoy Pasa, serta sesi bersama tetamu jemputan khas iaitu Encik Mohd. Azizul Hafiz bin Jamian mengenai kerjaya.

- Program ini memberi peluang kepada para pelajar program Perancangan dan Pengurusan Pembangunan untuk mengetahui cara-cara menghadapi temuduga dan membantu para pelajar untuk memilih kerjaya dan pusat latihan industri yang sesuai dengan mereka. Semua pelajar Program Perancangan dan Pengurusan Pembangunan (UW6345001) turut serta dalam program ini.

# AKTIVITI YANG PERNAH DIJALANKAN

## Festival of Social Sciences and Humanities (FOSSH) Sesi 2024










- Pertandingan Nyanyian *"Fssk's Got Singing Talent"* merupakan satu pertandingan kolaborasi antara Persatuan Sains Sosial dan Kemanusian dengan kelab program Unit Perwakilan Planning sempena Festival of Sosial Sciences and Humanities (FOSSH) 2024.
- Pertandingan ini adalah untuk mencungkil bakat pelajar dalam nyanyian.
- Semua kelab program di dalam Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan turut serta dalam pertandingan ini.

# AKTIVITI YANG PERNAH DIJALANKAN

## Projek Care: Reduce Plastics, Make Fantastic Ecobrick







- Projek Care: "Reduce Plastics, Make Fantastic Ecobrick" telah melibatkan semua pelajar Tahun 2 program Perancangan dan Pengurusan Pembangunan (UW6345001).
- Program ini telah dijalankan di beberapa buah sekolah iaitu SMK Sungai Tapang, SMK Muara Tuang, SMK Kota Samarahan, SMK Wira Penrissen dan SMK Siburan.
- Para pelajar telah diiringi oleh Dr. Haslina binti Hashim serta Dr. Daniel Ugih anak Echoh.
- Program ini merupakan projek sulam di bawah kursus SSR 2023 Environmental Dimensions of Development.
- Program ini bertujuan untuk memberi kesedaran akan kesan penggunaan sisa plastik secara tidak terkawal, memperkenalkan ecobrick sebagai kaedah bagi menguruskan sisa plastik sekali guna untuk mencapai kemampanan, serta mendedahkan penggunaan ecobrick dalam kehidupan seharian.

# AKTIVITI YANG PERNAH DIJALANKAN

## Wacana Industri dan Komuniti Siri 1/2024







- Sesi perkongsian bertajuk Wacana Industri dan Komuniti Siri 1/2024 telah diadakan pada 21 Mei 2024 yang lalu.
- Sesi perkongsian ini telah melibatkan pelajar Tahun 2 program Perancangan dan Pengurusan Pembangunan (UW6345001).
- Dalam sesi perkongsian ini, Dr. Regina Garai telah menjadi moderator dan VIP yang telah dijemput adalah Profesor Dr. Neilson Ilan Mersat, Profesor Dato' Dr. Spencer Empading anak Sanggin, Profesor Madya Dr. Wong Swee Kiong, Dr. Daniel Ugih anak Echoh.
- Program ini bertujuan untuk memperkenalkan MIDA kepada mahasiswa/mahasiswi program dan memberikan lebih banyak info dan input mengenai MIDA.
- Encik Jona juga berkongsi pengalaman sebagai seorang pengarah MIDA Sarawak dalam mewakili Malaysia ke luar negara untuk membincangkan mengenai hal pelaburan bersama para pelabur luar.

# AKTIVITI YANG PERNAH DIJALANKAN

## Sesi Perkongsian Sistem Tagang Libiki Bamboo Resort Day Fieldtrip







- Sesi Perkongsian Sistem Tagang telah diadakan di Libiki Bamboo Resort.
- Program ini melibatkan semua pelajar Tahun 2 program Perancangan dan Pengurusan Pembangunan (UW6345001).
- Program ini merupakan projek sulam di bawah kursus SSR 2023 Environmental Dimensions of Development yang di selia oleh Dr. Haslina binti Hashim dan Dr. Daniel Ugih anak Echoh.
- Speaker dikendalikan oleh Encik Alvin dari Jabatan Perikanan Negeri Sarawak.
- Program ini bertujuan untuk memperkenalkan Sistem Tagang, mengenalpasti peranan JPS dalam pelaksanaan Sistem Tagang, memahami peranan komuniti untuk menjayakan projek Sistem Tagang, cabaran pelaksanaan Sistem Tagang dan bagaimana komuniti mendapat manfaat daripada Sistem Tagang.

# AKTIVITI YANG PERNAH DIJALANKAN

## Program Rekreasi di Kawasan Gunung Kelambu Lang, Kampung Sungai Bako










- Program rekreasi bertemakan Rakan Alam Sekitar ini merupakan program yang julung kali diadakan secara kerjasama antara Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan serta JKKK Kampung Sungai Bako pada 14 Januari 2024 yang telah disertai oleh pelajar Tahun 2 dan Tahun 3 Program Perancangan dan Pengurusan Pembangunan (UW6345001).
- Program ini bertujuan memberi pendedahan kepada para pelajar mengenai betapa pentingnya penjagaan alam sekitar selain menanamkan rasa tanggungjawab dalam kalangan komuniti untuk bertindak dan mengambil bahagian dalam penjagaan alam sekitar yang dikongsi bersama.

## AKTIVITI YANG PERNAH DIJALANKAN

### FYP Seminar 1: Research Ethics: What Do You Need to Know






- FYP Seminar 1 bertajuk Research Ethics: What Do You Need to Know telah dijalankan khusus untuk para pelajar Tahun 3 Program Perancangan dan Pengurusan Pembangunan (UW6345001).
- Seminar ini telah disampaikan oleh Dr Haslina binti Hashim.
- Seminar ini dijalankan bagi mendedahkan pelajar Tahun 3 berkenaan etika semasa menjalani kajian.
- Para pelajar Tahun 3 juga didedahkan kepada prinsip dan garis panduan yang mengawal perjalanan penyelidikan yang bertanggungjawab. Hal berikut memastikan penyelidikan dijalankan dengan cara yang telus, jujur, menghormati, dan melindungi hak dan kebajikan peserta, penyelidik, dan masyarakat yang lebih luas.

# AKTIVITI YANG PERNAH DIJALANKAN

## FYP Seminar 2: Literature Review with AI






- FYP Seminar 2 bertajuk Literature Review with AI telah dijalankan khusus untuk para pelajar Tahun 3 Program Perancangan dan Pengurusan Pembangunan (UW6345001). Seminar ini telah disampaikan oleh Dr Bemen Wong Win Keong.
- Seminar ini dijalankan bagi mendedahkan pelajar Tahun 3 berkenaan kajian literature artificial intelligence (AI) iaitu analisis komprehensif penyelidikan sedia ada dan penerbitan ilmiah yang berkaitan dengan AI.
- Tujuan kajian literatur ini adalah untuk menyediakan asas yang kukuh untuk penyelidikan masa depan dengan mengenal pasti jurang dan bidang untuk penerokaan lanjut. Ia juga boleh memaklumkan dasar dan amalan dengan menonjolkan implikasi dan aplikasi AI dalam pelbagai konteks.

# AKTIVITI YANG PERNAH DIJALANKAN

## FYP Seminar 3: Thematic Analysis






- FYP Seminar 3 telah diadakan khusus untuk para pelajar Tahun 3 Program Perancangan dan Pengurusan Pembangunan (UW6345001).
- Seminar ini telah disampaikan oleh Dr Farah binti Zaini.
- Seminar ini ini dijalankan bagi meningkatkan pengetahuan para pelajar Tahun 3 tentang tujuan analisis tematik iaitu untuk menyediakan kaedah yang sistematik dan ketat untuk mengenal pasti dan mentafsir corak dalam data kualitatif.
- Ia membantu para pelajar untuk mengenal pasti dan memahami makna asas, pengalaman, dan perspektif peserta dalam kajian.

# AKTIVITI YANG PERNAH DIJALANKAN

## FYP Seminar 4: Writing Up for Quantitative Analysis







- FYP Seminar 4 telah diadakan khusus untuk para pelajar Tahun 3 Program Perancangan dan Pengurusan Pembangunan (UW6345001).
- Seminar ini telah disampaikan oleh Dr Haslina binti Hashim.
- Seminar ini ini dijalankan bagi memberi peluang kepada pelajar untuk mengetahui lebih lanjut tentang analisis kuantitatif dalam Projek Tahun Akhir.

# AKTIVITI YANG PERNAH DIJALANKAN

## FYP Writing Bootcamp




- FYP Writing BootCamp telah diadakan khusus untuk para pelajar Tahun 3 Program Perancangan dan Pengurusan Pembangunan (UW6345001).
- *BootCamp* ini telah diadakan oleh Dr. Haslina binti Hashim.
- *BootCamp* ini dijalankan bagi mengetahui lebih lanjut tentang cara menulis dapatan dan perbincangan untuk penganalisisan data dalam Projek Tahun Akhir.

# AKTIVITI YANG PERNAH DIJALANKAN

## Reka Bentuk Rasmi Baju Program dan Baju Korporat Sesi 2023/2024







- Unit Perwakilan Planning, Kohort 2023/2024 telah membuat reka bentuk rasmi Baju Program dan Baju Korporat bagi sesi 2023/2024.
- Baju Program akan digunakan dalam mana-mana aktiviti yang melibatkan kelas atau kerja lapangan manakala bagi Baju Korporat pula akan digunakan dalam mana-mana majlis rasmi atau mesyuarat.
- Kebiasaannya Baju Program akan dipadankan dengan seluar sukan dan kasut sukan manakala untuk Baju Korporat pula akan dipadankan dengan seluar slack hitam serta kasut yang berwarna hitam.

# AKTIVITI YANG PERNAH DIJALANKAN

## Pilihan Raya Jawatankuasa Unit Perwakilan Perancangan dan Pengurusan Pembangunan (UW6345001) Sesi 2022/2023




- Unit Perwakilan Planning, Kohort 2022/2023 telah mengadakan pilihan raya jawatankuasa pada 19 Oktober 2022 melalui platform atas talian bagi memilih jawatankuasa baharu bagi meningkatkan kualiti kerja serta mencapai matlamat dan objektif yang ditetapkan.
- Sesi pengundian untuk ahli Jawatankuasa Unit Perwakilan Planning (UPP) Kohort 2022/2023 telah diadakan dengan jayanya.

## Pencarian Sekretariat Unit Perwakilan Planning Kohort 2023/2024




- Unit Perwakilan Planning, Kohort 2023/2024 telah mengadakan Pencarian Sekretariat dalam kalangan pelajar Tahun 1 dan Tahun 2 yang berminat untuk menjadi Sekretariat Unit Perwakilan Planning, Kohort 2023/2024.
- Tempoh bagi permohonan Sekretariat Unit Perwakilan Planning, Kohort 2023/2024 bermula daripada 16 Oktober sehingga 18 Oktober 2023 yang lalu.
- Pemilihan untuk ahli Sekretariat Unit Perwakilan Planning, Kohort 2023/2024 telah dilaksanakan dengan jayanya.

# AKTIVITI YANG PERNAH DIJALANKAN

## Social Sciences and Humanities Camp (SOSHUC) Sesi 2023/2024








- Setiap sesi akan adanya SOSHUC.
- Untuk Sesi 2023/2024, sesi ini telah dimulai dengan ucapan daripada Presiden, Unit Perwakilan Planning, Kohort 2023/2024 iaitu saudari Nur Aliah Bazilah binti Mohammed Gupta.
- Dalam ucapan tersebut, beliau telah memperkenalkan program Perancangan dan Pengurusan Pembangunan (UW6345001) secara ringkas dan berkongsi serba sedikit maklumat berkenaan dengan bidang Perancangan dan Pengurusan Pembangunan secara keseluruhan kepada pelajar ambilan tahun 2023/2024.
- Terdapat juga aktiviti lain yang telah dijalankan seperti sesi suai kenal.

# AKTIVITI YANG PERNAH DIJALANKAN

## Kajian Lapangan Penilaian Impak Sosial (SIA) & Projek Sulam di Daerah Sebuyau, Sarawak







- Pelajar Tahun 3 Sesi 2021/2022 Program Perancangan dan Pengurusan Pembangunan (UW6345001) telah membuat satu Kajian Lapangan Penilaian Impak Sosial (SIA) berkenaan dengan Impak Pembinaan Jambatan Batang Lupar terhadap komuniti di Daerah Sebuyau. Selain itu juga, pelajar Tahun 3 telah menjalankan Projek SULAM iaitu penanaman biji benih sayur dalam botol plastik terpakai bersama penduduk rumah panjang yang telah terpilih iaitu Kampung Belimbing Besi, Kampung Lunying, Kampung Entangor dan Kampung Sungai Nyamuk.

# AKTIVITI YANG PERNAH DIJALANKAN

## Inventori Komuniti dan Aktiviti Plogging di Kampung Telok Melano










- Pelajar Tahun 2 Sesi 2022/2023 Program Perancangan dan Pengurusan Pembangunan (UW6345001) telah melaksanakan satu program di bawah kursus SSR2103 Basic Concept and Issues in Development dan kurikulum Community Resilience Experiential Learning (CARE).
- CARE merupakan kurikulum yang menggalakkan pelajar untuk menangani keperluan komuniti, yang berfungsi untuk menerapkan tanggungjawab sivik serta mengeratkan hubungan bersama komuniti.
- Terdapat beberapa aktiviti yang dijalankan seperti inventori komuniti iaitu menemubual penduduk kampung mengenai pembangunan di Kampung Telok Melano.
- Selain itu, aktiviti ‘plogging’ iaitu berjoging sambil mengutip sampah di sekitar pantai Telok Melano juga turut dijalankan.
- Antara lain objektif program ini adalah memberi pendedahan dan pengalaman di luar kampus kepada pelajar selain memberi peluang kepada pelajar berinteraksi dengan komuniti dan alam sekitar.
- Malahan, program ini mampu mewujudkan hubungan dua hala antara UNIMAS serta komuniti masyarakat.

# AKTIVITI YANG PERNAH DIJALANKAN

## Majlis Penyampaian Anugerah Sijil Dekan Semester 2 Sesi 2022/2023









- Majlis Penyampaian Anugerah Sijil Dekan Semester 2 Sesi 2022/2023 telah diadakan untuk pelajar yang menerima kepujian Dekan pada semester tersebut.

# AKTIVITI YANG PERNAH DIJALANKAN

## Rumah Terbuka Planning Tahun 2






- Rumah Terbuka Planning Tahun 2 merupakan satu program yang telah diadakan pada 16 Jun 2023 untuk pelajar Tahun 2 Program Perancangan dan Pengurusan Pembangunan (UW6345001) dan para pensyarah program.
- Program ini telah diadakan bertujuan untuk beramah mesra sambil menyambut perayaan Hari Raya Aidilfitri.
- Program ini juga telah mendapat sambutan yang baik daripada semua pelajar Tahun 2 dan para pensyarah.

# AKTIVITI YANG PERNAH DIJALANKAN

## Festival of Social Sciences and Humanities (FOSSH) Sesi 2023








- Pertandingan Tarian Tradisional “Aram Bertanda” merupakan satu pertandingan kolaborasi antara Persatuan Sains Sosial dan Kemanusian dengan kelab program Unit Perwakilan Planning sempena Festival of Sosial Sciences and Humanities (FOSSH) 2023.
- Pertandingan ini adalah untuk mencungkil bakat pelajar dalam tarian tradisional.
- Semua kelab program di dalam Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan turut serta dalam pertandingan ini.

# AKTIVITI YANG PERNAH DIJALANKAN

## Program Webinar Latihan Industri Bersama Alumni




- Program Webinar Latihan Industri ini telah menjemput saudari Aini Nadhirah binti Adeni, yang merupakan alumni Program Perancangan dan Pengurusan Pembangunan (UW6345001) sebagai tetamu undangan.
- Program ini telah dijalankan pada 15 April 2023.
- Program ini telah melibatkan pelajar Tahun 2 dan telah dilaksanakan dengan jayanya.

## GIT Talk daripada Prof Dr. Ruslam Rainis dari School of Humanities Universiti Sains Malaysia




- Sempena Centre for Spatially Intergrated Digital Humanities Day (CSIDH), program "GIT TALK" telah dilaksanakan pada 12 Oktober 2022.
- Panel yang dijemput ialah Prof Dr. Ruslan Rainis, daripada School of Humanities, Universiti Sains Malaysia.
- Tajuk bagi "GIT TALK" ialah "Is Everything Really Spatial Back to Basics?".
- Seramai 80 orang pelajar telah mengikuti program ini.
- Semua peserta menunjukkan minat dan proaktif sepanjang program dijalankan.

# AKTIVITI YANG PERNAH DIJALANKAN

## Social Sciences and Humanities Camp (SOSHUC) Sesi 2022/2023



- Program Social Science and Humanities Camp (SOSHUC) Sesi 2022/2023 telah diadakan secara fizikal bertemakan "ILMU TANPA SEMPADAN" pada 22 Oktober 2022.
- Program ini telah melibatkan barisan Persatuan Sains Sosial dan Kemanusiaan (PSSK) bersama dengan fasilitator daripada pelbagai program, antaranya Program Perancangan dan Pengurusan Pembangunan (UW6345001).


- Program Social Science and Humanities Camp (SOSHUC) Sesi 2022/2023 telah diadakan secara fizikal bertemakan "ILMU TANPA SEMPADAN" pada 22 Oktober 2022.
- Program ini telah melibatkan barisan Persatuan Sains Sosial dan Kemanusiaan (PSSK) bersama dengan fasilitator daripada pelbagai program, antaranya Program Perancangan dan Pengurusan Pembangunan (UW6345001).

- Sasaran kelompok untuk program SOSHUC ini adalah pelajar Tahun 1.
- Mereka telah didedahkan dengan pelbagai aktiviti yang menarik, serta memperoleh ilmu pengetahuan hasil daripada setiap aktiviti yang dijalankan.
- Sepanjang program ini diadakan, semua pelajar telah memberikan kerjasama yang menarik.

# AKTIVITI YANG PERNAH DIJALANKAN

## Pertandingan Mereka Arca Convocation Festival 2022



- Pertandingan Mereka Arca Convocation Festival telah diadakan pada 2 Oktober 2022 di Student Pavillion, UNIMAS.
- Seramai 8 orang pelajar Program Perancangan dan Pengurusan Pembangunan (UW6335001) telah menyertai pertandingan ini.
- Kesemua pelajar tersebut merupakan pelajar Tahun 3.
- Mereka juga telah mendapat tempat yang ketiga secara keseluruhan.

## AKTIVITI YANG PERNAH DIJALANKAN

### Sharing Session on Outbound Mobility to Universitas Udayana, Bali






- Program ini telah diadakan pada 16 November 2022 untuk sesi perkongsian daripada salah seorang pelajar Program Perancangan dan Pengurusan Pembangunan (UW6345001) yang telah menyertai program “Outbound Mobility to Universitas Udayana, Bali” pada semester yang lepas.
- Pelajar Tahun 1 dan Tahun 2 telah diwajibkan hadir untuk sesi ini.
- Semua pelajar memberikan maklum balas yang baik terhadap sesi perkongsian ini.

# AKTIVITI YANG PERNAH DIJALANKAN

## Hi-Tea Bersama Fasilitator dengan PSSK 2022




- Majlis Hi-Tea bersama para fasilitator SOSHUC telah diadakan bersama dengan PSSK pada 9 November 2022.
- 5 orang ahli Unit Perwakilan Planning telah hadir ke Majlis Hi-Tea tersebut.
- Majlis ini bertujuan untuk memberi penghargaan kepada para fasilitator SOSHUC yang telah berusaha menjayakan program ini.

# AKTIVITI YANG PERNAH DIJALANKAN

## E-Festival Planning World Cup










- Exco Sukan Unit Perwakilan Planning (UPP) telah mengadakan pertandingan secara atas talian iaitu Mobile Legend BangBang (MLBB), Player Unknown Battlegrounds (PUBG) dan Pro Evolution Soccer (PES) bersempena dengan minggu E-Fest Planning pada 25 - 31 Mei 2022.
- Pertandingan ini telah diadakan secara terbuka dan telah dilaksanakan dengan sempurna.

## AKTIVITI YANG PERNAH DIJALANKAN

### Sesi Perkongsian WA22 2021 Sempena Program ‘SOCIAL SCIENCE AND HUMANITIES CAMP SOSHUC 2021






- Berikut merupakan sesi Breakout Room bersama dengan ahli jawatankuasa Unit Perwakilan Planning (UPP) pada 23 Oktober 2021.
- Pelbagai ilmu serta nasihat banyak dikongsi sepanjang sesi ini. Sesi ini juga membantu para pelajar Tahun 1 Program Perancangan dan Pengurusan Pembangunan (UW6345001) Sesi 2021/2022 untuk lebih mengenali pucuk kepimpinan dalam program.
- Program ini telah berjalan dengan lancar dan mendapat respons yang baik daripada pelajar Tahun 1.

# AKTIVITI YANG PERNAH DIJALANKAN

## Forum Prospek Kerjaya dalam Bidang Perundingan Sosial dan Alam Sekitar 2021 (Bersama dengan Dr Haslina dan Encik Kenneth Kueh).




- Forum Prospek Kerjaya dalam bidang Perundingan Sosial dan Alam Sekitar telah diadakan untuk mendedahkan dan memberi peluang kepada pelajar terhadap pelbagai kerjaya yang melibatkan bidang alam sekitar pada 5 Mei 2021.
- Panel jemputan khas merupakan alumni program Perancangan dan Pengurusan Pembangunan iaitu Encik Kenneth Kueh Woon Hou.

## Movie Night




- Program Movie Night merupakan program yang diadakan dalam kalangan pelajar Tahun 1 Sesi 2021/2022 program Perancangan dan Pengurusan Pembangunan (UW6345001).
- Program ini telah diadakan pada 18 Disember 2021.
- Program ini bertujuan untuk mengeratkan silaturahim di antara mereka dan sambil itu mereka juga berpeluang berehat dan menonton movie pilihan mereka.

# AKTIVITI YANG PERNAH DIJALANKAN

**Malam Apresiasi WA22 2018/2019**




- Malam Apresiasi WA22 merupakan majlis makan malam yang diadakan khas untuk pelajar program Perancangan dan Pengurusan Pembangunan dari Tahun 1 hingga Tahun 3 pada 26 April 2019.
- Program ini bertujuan untuk meraikan para pelajar Tahun 3 yang akan menamatkan pengajian pada Tahun 2019.
- Semua pensyarah program Perancangan dan Pengurusan Pembangunan telah dijemput untuk menghadiri Malam Apresiasi WA22 tersebut.

# NOTA

# NOTA

# NOTA

# UNIT PERWAKILAN PLANNING



## CONTACT US

**EMAIL**

dplanningmofficial@gmail.com